

29/07/2001

Pemenang diumumkan petang ini

DRAMA manakah bakal muncul sebagai pemenang kategori Drama TV Terbaik dalam Anugerah Sri Angkasa (ASA) 2001 petang ini?

Ia akan diumumkan bersama 61 kategori lain dalam satu majlis penganugerahan untuk rancangan TV dan radio RTM.

Majlis berkenaan akan bermula jam 2 petang ini, bertempat di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Ia akan dibahagikan kepada dua sesi iaitu jam 2 petang dan jam 4.15 petang.

Pengacara untuk majlis anugerah ini ialah Bob Lokman, Aznil Nawawi dan Maya Karin.

Lebih 70 artis mengambil bahagian untuk menyampaikan hadiah selain artis popular akan membuat persembahan.

Acara berkenaan dibuka kepada orang ramai secara percuma. Penganjur menyediakan 3,000 tiket percuma untuk penonton hadir ke PWTC.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus melepaskan sebanyak 55 belon berwarna-warni ke udara sebagai tanda simbolik acara itu bakal diadakan pada hari ini. Sebanyak 13 belon yang ditemui orang ramai akan menerima hadiah baucar misteri daripada RTM.

ASA akan disiarkan secara langsung menerusi RTM secara semi automasi selama empat jam menerusi dua segmen yang akan turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyampaikan dua anugerah khas untuk Tokoh Penyiaran.

Antara artis yang akan mengambil bahagian petang ini ialah Amy Mastura, M Nasir, Siti Nurhaliza, Koprata, Ahmad Tamimi Siregar, Hans Isaac, Azean Irdawaty, Erra Fazira, XPDC, Dayang Nurfaizah dan Jalaludin Hassan.

Artis lain yang dijangka turut menjadi penyampai ialah Datuk Yusof Haslam, Aida rahim, Syafinaz, Abon, Sathiya, Ramlah Ram, Imuda, Haliza Misbun, Nassier Wahab, Marlia Musa, Eizlan Yusof dan Kuza.

(END)